



Mencari kebenaran di sebalik kepalsuan di dalam dunia yang nyata. Hipokritnya manusia di sebalik ikhlasnya kata-kata bahagia namun derita tidak sepi dari menyapa. Redha dengan takdir rupa kekuatan jiwa. Semangat di hati penawar segala asa selagi kudrat masih ada.

Laman Utama

Video

Thursday, May 20, 2010

Banjir Kilat Di Jalan Reko


Jika kawasan luar bandar, banjir selalunya akan terjadi apabila tiba musim tengkujuh sekitar beberapa bulang di hujung tahun dan beberapa bulan di awal tahun berikutnya. Tetapi di kawasan bandar berlainan pula fenomenanya, limpahan air akan berlaku apabila hujan lebat turun membasahi bumi. Limpahan air ini digelar banjir kilat kerana limpahan air akibat hujan yang lebat.



Limpahan air ini berlaku mungkin sahaja kerana air hujan yang banyak tetapi tiada tempat untuk disalurkan. Bumi tentu sekali tidak dapat menyerap kerana kawasan dataran di bandar ditutupi dengan tar dan batu. Manakala kawasan bukit disekeliling bandar pula habis botak dikerjakan untuk bangunan menjadi taman perumahan. Jadi inilah hakikat yang manusia di bandar perlu terima dengan rela dan redha. Demi pembangunan dan kemudahan untuk sekalian manusia, mereka terpaksa menerima kesan negatif hasil daripada tangan mereka ini.



Kejadian banjir kilat seperti dalam gambar yang dipaparkan ini berlaku di Jalan Reko, Seksyen 5 West Country yang berhampiran dengan Hentian Bas Kajang. Kejadian ini berlaku di waktu petang apabila hujan lebat mula turun di sekitar kawasan Bangi dan Kajang sekitar jam 4 hingga 5.



Hujan lebat yang agak lama itu telah melimpahkan air ke atas jalan dan menyebabkan kesukaran kenderaan untuk melalui jalan tersebut. Kesusakan lalu lintas telah berlaku kerana sesetengah kereta tidak berani untuk meredah air banjir kerana bimbang akan terkandas dan seterusnya mungkin akan merosakkan kenderaan.

Twitter E

Koleksi

Lensa M

Per
Stu
Joh
Pet
Bat

Live
Today
Total

Free Tr



Carian

Sertai se

Facebook

www.indere

Inilah kesan kerosakkan di bumi hasil sentuhan tangan manusia. Harapan semoga pihak yang bertanggungjawab atau pihak yang berkepentingan serta masyarakat agar lebih peka dengan isu sebegini. Pembangunan yang dirancang biarlah lebih teratur dan terurus dan mengambil kira kepentingan alam sekitar
Suka Jadilah orang pertama daripada kalangan rakan anda untuk menyukai ini.

juga. Bukannya hanya memikirkan hasil keuntungan semata-mata.

Posted by indera segara at [8:28:00 PM](#)

Labels: [Artikel](#), [Satu Kisah](#), [Semasa](#)

0 comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

Promote Yc



Followe

Follower



[Follow](#)

Jika cah
menyakit
mengata
indah.

Indera S

**Dunia in
yang be
orang-o**

Sejarah
menuju t
belakang

-Indera S

Sejarah
yang ber
masa de

Indera S

Blog Ar

► [2018](#)

► [2017](#)